

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2  
SESI 2012/2013**

**NAMA KURSUS:** TEKNOLOGI PENDIDIKAN

**KOD KURSUS :** BBD 20202

**PROGRAM** SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
VOKASIONAL (BINAAN  
BANGUNAN, ELEKTRIK &  
ELEKTRONIK, MULTIMEDIA  
KREATIF, KIMPALAN FABRIKASI  
LOGAM, KATERING)

**TARIKH PEPERIKSAAN :** JUN 2013

**JANGKA MASA :** 2 JAM

**ARAHAN :** JAWAB SEMUA SOALAN  
BAHAGIAN A  
DAN PILIH EMPAT SOALAN  
BAHAGIAN B

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH BELAS (17) MUKA SURAT**

**SULIT**

**BAHAGIAN A**


- S1 Teknologi Instruksi bertujuan untuk
- A menjimatkan masa pengajaran dan pembelajaran.
  - B menilai kesesuaian kurikulum supaya proses pemurnian dapat dilakukan setiap tahun.
  - C pembelajaran sendiri supaya tumpuan guru dialihkan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar.
  - D mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran
- S2 Sebelum sesuatu bahan instruksi direka bentuk, faktor pelajar berikut perlu dianalisis kecuali
- A ciri-ciri umum
  - B kompetensi kemasukan
  - C status sosio-ekonomi
  - D gaya pembelajaran
- S3 Objektif instruksi perlu ditulis mengikut format ABCD. ABCD merujuk kepada kenyataan berikut
- A activity, behavior, condition, degree.
  - B audience, behavior, condition, degree.
  - C action, behavior, condition, degree.
  - D audience, behavior, condition, details
- S4 Instruksi yang berjaya mempunyai prinsip umum berikut kecuali
- A penglibatan yang aktif.
  - B latihan.
  - C mengambil kira perbezaan individu.
  - D mengurangkan beban instruktur.
- S5 Pereka bentuk konstruktivis akan menggunakan \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ untuk membenarkan reka bentuk yang bercabang dan penggunaan yang tidak linear
- A custom animation, highlight
  - B hypertext, hypermedia
  - C video, audio
  - D teks, grafik

- S6 Model ARCS merujuk kepada
- A Attention, Relevance, Confidence, Satisfaction
  - B Attraction, Relation, Communication, Selection
  - C Accommodation, Reservation, Communication, Satisfaction
  - D Arrangement, Relocation, Composition, Satisfaction
- S7 Diantara berikut bukan ciri-ciri strategi pemusatan pelajar
- A guru dan pelajar bersama-sama memainkan peranan
  - B pelajar aktif menyertai proses pengajaran dan pembelajaran
  - C komunikasi dua hala
  - D penekanan kepada jasmani, rohani dan kognitif
- S8 Pengajaran pemusatan bahan pengajaran adalah seperti berikut
- A dapat memotivasikan pelajar
  - B memerlukan tahap disiplin diri yang tinggi
  - C kemahiran penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran diutamakan
  - D kurang bergantung kepada guru
- S9 Dalam model ADDIE, berikut adalah bukan fasa analisis
- A analisa terhadap pengguna
  - B analisa terhadap persekitaran
  - C kenalpasti objektif pengajaran
  - D penilaian sumatif dan formatif
- S10 Diantara berikut bukan strategi pengajaran dan pembelajaran
- A strategi pemusatan guru
  - B strategi pemusatan bahan
  - C strategi berasaskan tugas
  - D strategi berasaskan sekolah
- S11 Berikut bukan peringkat pembelajaran Gagne
- A persembahan yang meransangkan
  - B penilaian pencapaian
  - C generalisasi
  - D mendapat perhatian guru

- S12 Dalam aspek ARCS, komponen kepuasan (satisfaction) dicapai bukan strategi berikut
- A memberikan insentif yang menarik
  - B memberikan pujian secara lisan
  - C mengelakkan pengukuhan yang terlalu berat sekiranya kesalahan berlaku.
  - D menyusun bahan dari mudah kepada sukar
- S13 Model yang sesuai digunakan untuk mengintegrasikan audio dalam pengajaran ialah
- A Assist Model
  - B Assume Model
  - C Assess Model
  - D Assure Model
- S14 Antara kelebihan Papan Tulis ialah
- I Penggunaannya mudah kerana ia sentiasa berada dalam bilik darjah
  - II Penggunaannya tidak memerlukan bakat atau peralatan istimewa
  - III Perubahan atau tambahan isi boleh dilakukan dengan cepat dan mudah
  - IV Mudah alih serta senang dipergunakan untuk pelbagai tujuan sampingan
- A I dan II
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S15 Dalam penghasilan poster, warna memainkan peranan yang penting. Susunkan kombinasi warna yang berikut dari paling jelas kelihatan hingga paling kabur kelihatan
- I tulisan hitam di atas skrin putih
  - II tulisan hijau di atas skrin merah
  - III tulisan putih di atas skrin hitam
  - IV tulisan hitam di atas skrin kuning
- A I>IV>III>II
  - B III>I>IV>II
  - C IV>I>III>II
  - D III>I>IV>II
- S16 Apabila objek yang sebenar tidak sesuai digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran, alternatif lain yang sesuai digunakan ialah
- A poster
  - B transparensi
  - C carta dan kartun
  - D model atau lukisan objek


- S17 Reka bentuk visual yang berwarna diperlukan sekiranya
- I objektif yang dinyatakan itu terlibat dengan membezakan warna.
  - II warna diperlukan untuk membantu dalam membezakan tahap kerumitan sesuatu penerangan.
  - III kekurangan motivasi untuk pembelajaran
  - IV maklumat yang ingin ditayangkan terlampau banyak untuk dimuatkan ke dalam sesuatu slaid.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I, II dan III
- S18 Cikgu Aminah sedang menggunakan powerpoint untuk menayangkan bahan pengajarannya. Cikgu Aminah ingin menggelapkan tayangan LCDnya sebentar supaya semua pelajar boleh menumpukan kepada beliau sahaja. Tindakan yang perlu dilakukan oleh Cikgu Aminah ialah
- I tekan kekunci B
  - II tekan butang off pada remote LCD
  - III tekan kekunci CTRL B
  - IV tekan kekunci CTRL dan kemudian kekunci ALT B
- A I
  - B II
  - C III
  - D I, II, III dan IV
- S19 Kebanyakan pelajar meminati persembahan
- A visual berwarna
  - B visual berwarna biru dan putih
  - C visual yang berwarna biru dan kuning
  - D visual yang berwarna hitam dan putih

- S20 Penggunaan visualizer lebih baik berbanding penggunaan OHP kerana
- I dapat menayangkan imej atau data yang terdapat di helaian transparensi atau dari buku ke layar putih melalui LCD
  - II berupaya untuk membesar imej
  - III berupaya untuk mengecilkan imej
  - IV menayangkan imej bahan relia untuk tontonan semua pelajar di bilik darjah
- A I dan II  
B II dan III  
C I,II dan III  
D I,II, III dan IV
- S21 Semasa penghasilan sesuatu bahan pengajaran secara visual, perkara berikut perlu diberi perhatian kecuali
- A menggunakan teks yang paling minima
  - B memuatkan beberapa konsep yang berkaitan pada sesuatu slaid
  - C jangan menggunakan lebih daripada lima warna pada sesuatu paparan.
  - D menggunakan “rule of thirds” untuk meletakkan isi paparan pada sesuatu slaid.
- S22 Pilih kenyataan yang tidak sesuai mengenai panduan merekabentuk maklumat pada transparensi.
- A Sekiranya warna latar belakang ialah biru tua, warna teks yang sesuai ialah kuning atau putih.
  - B Saiz teks yang sesuai digunakan untuk isi transparensi ialah di antara 12 hingga 14 point.
  - C Format memaparkan teks dan grafik pada transparensi perlulah konsisten.
  - D Untuk persembahan, jarak margin yang sesuai pada transparensi ialah dalam julat 5-10 cm.



Rajah S23


- S23 Kedudukan *Overhead Projector* (OHP) di dalam rajah S23 akan menghasilkan paparan pada skrin yang dinamakan
- A *Keystone*
  - B *Side Projection*
  - C *Blur Image*
  - D *Unfocused Display*



Rajah S24

- S24 Berdasarkan rajah S24 , apakah sudut yang paling sesuai untuk tayangan OHP yang ditunjukkan oleh III
- A  $25^\circ$
  - B  $35^\circ$
  - C  $45^\circ$
  - D  $60^\circ$

- S25 Lukisan, graf, carta, dan kartun dikategorikan sebagai
- A grafik.
  - B poster.
  - C foto.
  - D gambar.
- S26 Berikut adalah kelebihan menggunakan objek semulajadi dalam pengajaran dan pembelajaran, kecuali
- A Memberi pengalaman sebenar.
  - B Menarik minat pelajar.
  - C Tidak memerlukan ruang yang besar.
  - D Boleh melibatkan pelbagai deria



Rajah S27

- S27 Paparan digital di atas menunjukkan gambar seterusnya akan dirakamkan dengan kelajuan shutter sebanyak
- A 729
  - B 2.8
  - C 500
  - D ISO
- S28 Apakah faktor terbaik untuk mengambil sesuatu gambar
- A Komposisi (angle)
  - B Latarbelakang
  - C Mesej atau penceritaan
  - D Peranan cahaya





Rajah S29

Merujuk kepada rajah S29 merupakan pilihan jawapan soalan S29 dan S30.

S29 Apabila mengambil gambar, langkah pertama ialah

S30 Apabila mengambil gambar, langkah kedua ialah

S31 Bunyi yang dikeluarkan melalui getaran yang membentuk gelombang dan perbezaan bentuk dalam gelombang ini membentuk bunyi dikenali sebagai

- A audio digital
- B audio analog
- C audio mono
- D audio stereo

S32 Media audio mempunyai beberapa kelebihan kecuali

- A bahan audio dapat memberi gambaran lebih berkesan berbanding menerusi pembacaan.
- B bahan untuk peralatan audio mudah diperolehi dan dihasilkan serta mudah digunakan oleh murid dan guru.
- C media audio boleh digunakan untuk kumpulan atau individu dengan mudah
- D kaedah persembahan terhadap kepada urutan rancangan yang dirakam

S33 Media audio akan dapat digunakan dengan lebih berkesan apabila

- A menghasilkan audio dengan pelbagai kesan bunyi
- B menggabungkan media audio dengan media visual
- C menghasilkan audio melalui rakaman di dalam studio yang lengkap
- D menggunakan aras bunyi yang tinggi dalam persembahan audio

- S34 Berikut merupakan sumber bunyi yang dikatakan mengganggu semasa proses pengajaran dan pembelajaran kecuali
- A menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas yang berhampiran dengan jalan raya
  - B suara pelajar berbincang di kelas sebelah
  - C bunyi ketukan tukul dalam aktiviti di bengkel
  - D aras bunyi yang tinggi pada media audio video yang digunakan
- S35 Merupakan format paling mudah dan sering digunakan. Indentifikasi adalah berdasarkan C-45, C-60, C-90 dan C-120. Keterangan ini merujuk kepada
- A cakera padat.
  - B pita audio digital
  - C piring hitam
  - D pita kaset
- S36 Ketika tiada gelombang bunyi yang wujud, tekanan udara adalah tetap. Apabila gelombang bunyi tiba ke gegendang telinga
- A tekanan udara akan berubah ke paras yang lebih tinggi ataupun kepada paras yang lebih rendah dari aras tekanan atmosfera yang normal.
  - B tekanan udara adalah sama dengan tekanan atmosfera yang normal.
  - C tekanan udara dalam telinga sama dengan tekanan atmosfera yang normal.
  - D tekanan atmosfera berubah lebih rendah kepada paras yang lebih tinggi daripada tekanan yang normal.
- S37 Diantara berikut bukan versi kamera video yang ada di pasaran:
- A VHS
  - B BETACAM
  - C DV
  - D DSLR
- S38 Lazimnya kerja-kerja dilakukan sebelum penyuntingan dibuat:
- A skrip, '*shooting*', '*voice over*', latar musik, animasi
  - B montage, '*shooting*', teks
  - C animasi, teks, latar musik
  - D latar musik, '*shooting*'

- S39 Penggunaan kamera video mesti dilengkapi dengan kemudahan berikut bagi menentukan penggambaran dapat dijalankan dengan baik:
- A tripod, bateri dan lampu pencahayaan
  - B bateri, payung dan tripod
  - C lampu penchayaan,tripod dan payung
  - D lampu penchayaan,tripod dan kereta
- S40 Bagi memudahkan penyelarasan sesuatu produksi penyiaran, apakah faktor yang perlu diambil penting
- A lokasi, tentatif dan tarikh
  - B tarikh, lokasi dan personal
  - C lokasi, tarikh, personal dan tentatif
  - D lokasi, personal , tarikh, tentatif dan konsep
- S41 Berikut adalah teknik penggambaran video kecuali
- A *panning*
  - B *dollying*
  - C *zooming*
  - D *screening*
- S42 Apabila shooting telah dilakukan, ianya perlu disunting mengikut keperluan produksi. Semasa suntingan dibuat terdapat layering seperti berikut:
- A video-audio, audio, video dan teks,
  - B video, audio dan teks
  - C video, audio, teks dan animasi
  - D video-audio, audio dan teks
- S43 Bahan multimedia perlu mengandungi sekurang-kurangnya komponen berikut
- A grafik 3D, animasi teks, video, muzik dan menu arahan
  - B teks, grafik, animasi, video dan audio
  - C grafik vektor, teks, foto digital, muzik midi dan suara latar
  - D lagu, suara latar, menu pilihan, butang pilihan dan warna-warni
- S44 Bakal juruterbang menjalani latihan seperti dalam keadaan yang sebenar meliputi audio, visual, interaktif dan sebagainya. Cara ini juga menjimatkan perbelanjaan dan juga lebih selamat. Huraian ini merujuk kepada,
- A simulasi proses kerja
  - B eksperiman atau ujikaji
  - C multimedia elektronik
  - D sumber rujukan elektronik

- S45 Walaupun pembelajaran menggunakan multimedia mempunyai banyak kelebihan berbanding kaedah biasa, ia juga mempunyai kelemahan dan masalahnya yang tersendiri. Antara kelemahan tersebut ialah
- A membolehkan pelajar belajar mengikut kehendak mereka
  - B format yang interaktif dan merangsang minat pelajar
  - C keseronokan menggunakan multimedia
  - D tempoh penghasilan perisian multimedia
- S46 Penggunaannya dikatakan mampu menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih pantas dan tepat memandangkan ianya disampaikan dalam bentuk visual. Huraian ini mewakili penerangan untuk,
- A animasi
  - B audio
  - C grafik
  - D teks
- S47 Mengapa pembelajaran berasaskan multimedia wajar dilaksanakan?
- A merangsang minat pelajar
  - B menyokong industri penyelidikan alat bantu pendidikan
  - C memupuk pembelajaran *multi sensory environment*.
  - D menyubur semangat penglibatan pelajar.
- S48 Multimedia memainkan peranan yang amat penting di dalam pendidikan. Kenyataan berikut menunjukkan kepentingan multimedia dalam pendidikan kecuali
- A mendokong komunikasi linear yang efektif.
  - B mengapikasi format interaktif dan merangsang.
  - C membangkitkan keseronokan dengan penggunaan komputer.
  - D menggalakkan pembelajaran sendiri.
- S49 Multimedia memainkan peranan yang amat penting di dalam pendidikan. Kenyataan berikut menunjukkan kepentingan multimedia dalam pendidikan.
- I komunikasi secara linear yang efektif
  - II format yang interaktif dan merangsang.
  - III memberi keseronokan semasa menggunakan komputer.
  - IV pembelajaran interaktif kerana pencapaian yang non-linear.

- A I, II, III dan IV  
 B II, III dan IV  
 C I, II dan III  
 D I, II, III dan IV
- S50 Berikut adalah ciri-ciri pembelajaran melalui web kecuali  
 A faktor ruang dan sempadan yang tiada batasan.  
 B kawalan pengguna yang rendah.  
 C sumber maklumat yang tidak terbatas.  
 D persekitaran pembelajaran yang bercirikan dunia sebenar
- S51 Antara kelebihan penggunaan telesidang video adalah  
 A daya penumpuan yang tinggi secara serentak.  
 B masa persediaan yang lebih.  
 C mendekatkan dua destinasi, menjimatkan kos dan masa perjalanan.  
 D kos yang tinggi
- S52 Mana diantara ini berikut pernyataan yang betul  
 I sidang video boleh dilaksanakan menggunakan satelit  
 II sidang video memerlukan dua monitor/peti televisyen  
 III sidang video tidak boleh menayangkan rancangan yang telah dirakam terlebih dahulu  
 IV sidang video boleh mengizinkan interaksi dua-hala
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C I, II dan IV  
 D II, III dan IV
- S53 Kelemahan penggunaan telesidang video adalah:  
 A kos yang rendah  
 B tenaga yang kurang  
 C daya penumpuan yang rendah secara serentak  
 D pengkalan daya tumpuan ke atas kuliah akan berkurangan
- S54 Secara pedagoginya, laman web dapat menyediakan bahan kuliah yang terancang sejajar dengan keperluan tajuk dan kurikulum. Berikut adalah pernyataan-pernyataan kebaikan pembelajaran menerusi laman web kecuali  
 A memudahkan pelajar memahami pengajaran pengajar ketika atau selepas kuliah.  
 B menyediakan ruang untuk pelajar berinteraksi dengan pengajar menerusi e-mel.  
 C menggalakkan pelajar dengan menggunakan kemudahan internet untuk tujuan pembelajaran.  
 D menyebarkan maklumat kuliah supaya dapat dicapai oleh pelajar di mana-mana sahaja dengan menggunakan kaedah bersemuka (face-to-face).

- S55 Berikut adalah bukan ciri-ciri yang menjadikan web sebagai medium pengajaran dan pembelajaran
- A penglibatan aktif pelajar
  - B kos yang agak tinggi
  - C interaktif
  - D pembelajaran kolaboratif
- S56 Persekitaran pembelajaran melalui web adalah berasaskan pendekatan \_\_\_\_\_, di mana pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik dan animasi, audio dan video boleh dirangkaikan dalam pelbagai bentuk.
- A *hypertext*
  - B *hyperlink*
  - C *hypermedia*
  - D *hypergraphic*
- S57 Diantara berikut yang bukan fungsi pusat sumber:
- A menyediakan bahan pembelajaran sendiri
  - B mengorganisasi bahan-bahan secara sistematik
  - C menjadi pusat penilaian bahan pengajaran
  - D menjadi pakar rujuk dan perunding kepada guru dan pelajar sekolah
- S58 Salah satu fungsi Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) diwujudkan seperti berikut:
- A memberi bantuan meja aras 1 kepada sekolah
  - B memberi bantuan meja aras 2 kepada sekolah
  - C memberi bantuan meja aras 3 kepada sekolah
  - D mempunyai kawalan yang tinggi keatas capaian kandungan.
- S59 Manakah diantara berikut web yang bukan interaktif?
- A web 1.0
  - B web 2.0
  - C web 3.0
  - D web 4.0

- S60 Kebiasaannya pusat sumber elektronik sentiasa menggunakan internet sebagai sumber rujukan. Apakah konsep pembelajaran yang mudah alih dengan menggunakan telefon bimbit?
- A *Mobile education*
  - B *Mobile learning*
  - C *Mobile reference*
  - D *Mobile communication*

**BAHAGIAN B**

- S1 Teknologi pendidikan adalah bidang yang menyokong pengajaran pembelajaran di kelas.
- (a) Terangkan ciri-ciri teknologi dalam pendidikan (5 markah)
  - (b) Bezakan Pengajaran dan pembelajaran (5 markah)
- S2 Terdapat beberapa model pembelajaran dalam pengajaran
- (a) Nyatakan 3 kepentingan rekabentuk pengajaran (3 markah)
  - (b) Jelaskan 4 strategi pengajaran (4 markah)
  - (c) Terangkan aspek motivasi dari perspektif ARCS (3 markah)
- S3 Gambar yang baik untuk pengajaran bukan hanya mengandungi ciri ketepatan serta kehalusan, malah mesej yang terkandung di dalamnya. Huraikan secara ringkas lima kriteria gambar yang hendak diambil kira untuk menghasilkan gambar yang berkualiti (10 markah)
- S4 Bahan media sentiasa mengalami perubahan dari format analog kepada format digital.
- a) Huraikan dengan jelas tentang perbezaan antara ciri-ciri media digital dan ciri-ciri media analog. (5 markah)
  - b) Huraikan dengan jelas tentang kebaikan dan kelemahan penggunaan pita audio di dalam pengajaran. (5 markah)

- S5 Video sebagai alat bantu mengajar yang sentiasa digunakan dari peringkat set induksi ke peringkat pembelajaran.
- (a) Huraikan langkah-langkah dalam penghasilan sebuah video. (5 markah)
  - (b) Huraikan kelemahan penggunaan video dalam pengajaran? (5 markah)
- S6 Pembikinan video sentiasa memerlukan ketelitian dari peringkat pre produksi kepada pasca produksi.
- (a) Mengapa penggunaan papan cerita penting dalam fasa pembangunan video? (5 markah)
  - (b) Terangkan 4 jenis teknik penggambaran dengan mengguna kamera video. (5 markah)
- S7 Bincangkan mengapa multimedia dan internet amat diperlukan dalam bidang pendidikan dari aspek berikut
- (a) Ruang Penyimpanan (2.5 markah)
  - (b) Kemudahan carian dan capaian maklumat (2.5 markah)
  - (c) Perkongsian maklumat (2.5 markah)
  - (d) Kepelbagaian pembelajaran yang lebih fleksibel (2.5 markah)
- S8 Pembelajaran berasaskan web merupakan antara satu trend pendidikan yang semakin popular dalam era teknologi pada waktu kini. Gaya pengajaran dan pembelajaran ini bukan sahaja digunakan dalam pendidikan jarak jauh tetapi telah dijadikan satu alternatif pengajaran dan pembelajaran untuk pengajaran tradisional (face-to-face). Bincangkan kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam kaedah pembelajaran ini berbanding dengan kaedah tradisional. (10 markah)